

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 August 2015



NAJIB TUN RAZAK berkesempatan meninjau perkhidmatan pengangkutan awam ketika melawat KL Sentral, Kuala Lumpur, semalam. - GAMBAR NAJIB RAZAK FACEBOOK

Perluas rangkaian pengangkutan awam

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Kerajaan memberi jaminan untuk terus melabur bagi memperluas liputan rangkaian pengangkutan awam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau menyatakan demikian dalam catatan terbarunya di laman Facebook dan Twitter hari ini selepas melakukan tinjauan bagi memahami masalah dialami pengguna pengangkutan awam di KL Sentral

di sini lewat petang tadi.

"Di KL Sentral pengguna maklum mereka sedar usaha kerajaan tingkatkan ehsensi pengangkutan awam tetapi ada ruang untuk ditambah baik.

"Saya menerima baik pendapat semua dan beri jaminan kerajaan akan terus melabur untuk meluaskan liputan rangkaian," katanya.

Beliau turut memuat naik beberapa gambar semasa di KL Sentral.

Semasa membentangkan Ran-

cangan Malaysia Ke-11 (RMK11) Mei lepas, bagi pengangkutan awam, Najib mengumumkan pembinaan Klang Valley Mass Rapid Transit Laluan Sungai Buloh ke Kajang, Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3).

Ia merupakan langkah kerajaan bagi menambah baik pengangkutan awam di bawah RMK11 untuk menyediakan sistem perkhidmatan yang selesa dan berkualiti. - BERNAMA